

05/05/2003

Pemuda, MBM atur perjumpaan dengan pengusaha

PERGERAKAN Pemuda Umno dan Majlis Belia Malaysia (MBM) akan bekerjasama untuk mengadakan perjumpaan dengan kira-kira 1,800 pengusaha pusat bertauliah program kemahiran Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) seluruh negara, sebelum akhir bulan ini.

Ketua Unit Pengaduan Awam Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Subahan Kamal, berkata perjumpaan itu bertujuan membincang dan mendapatkan maklum balas mengenai masalah kewangan yang makin serius.

Masalah itu timbul berikutan tunggakan bayaran pinjaman tahun lalu serta pembekuan permohonan baru oleh Tabung Pembangunan Kemahiran (TPK), Kementerian Sumber Manusia.

Beliau berkata, hasil perjumpaan itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk diambil tindakan sewajarnya

bagi mengelak keadaan menjadi semakin teruk sehingga terpaksa ditutup.

"Jika keadaan ini berlaku, ia bukan saja menjejaskan 1,800 pengusaha pusat berkenaan yang kebanyakannya Melayu, malah beribu-ribu pelajar Melayu yang terpaksa menghentikan pengajian mereka," katanya.

Menurut beliau, ini kerana MLVK adalah program bagus dan penting, serta memberikan sumbangan besar kepada pembangunan negara dengan melahirkan tenaga mahir berkualiti di kalangan generasi belia negara.

Selain itu, beliau berkata, Kementerian Sumber Manusia perlu mengadakan

perbincangan segera dengan pihak pengusaha terbabit bagi menyelesaikan masalah yang timbul ekoran kemelut kewangan dihadapi oleh TPK itu.

Katanya, kementerian tidak sepatutnya melepaskan tanggungjawab kepada pusat bertauliah berkenaan untuk mencari sumber pembiayaan alternatif sendiri.

"Adalah amat penting untuk memastikan pelaksanaan program MLVK terus berjalan dengan lancar kerana ia membabitkan masa depan generasi pelapis negara.

"Tambahan pula, program kemahiran ini mendapat sambutan begitu memberangsangkan daripada kalangan belia, terutama lepasan sekolah, yang menunjukkan kesungguhan mereka untuk menjadi pekerja mahir.

"Sehubungan itu kenyataan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, yang membayangkan kemungkinan program MLVK terpaksa dihentikan, tidak dipersetujui.

"Dalam konteks ini, kami berpendapat program itu patut diselaraskan di bawah Kementerian Pendidikan," katanya kepada Berita Harian di Kuala Lumpur, semalam.

Sementara itu Naib Presiden MBM, Sobri Ahmad, pula berkata pihaknya memandang serius terhadap masalah berkenaan yang sedang dihadapi oleh pelajar serta pengusaha pusat bertauliah program MLVK, dan menegaskan bahawa tindakan harus diambil untuk menyelesaikan kemelut itu dengan segera.

Justeru, beliau berkata, memang wajar program MLVK diambil alih oleh

kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan jika Kementerian Sumber Manusia tidak berkemampuan untuk mengendalikannya dengan lancar.

"Program MLVK ini amat penting kerana ia bukan saja dapat membantu menangani gejala sosial di kalangan belia, tetapi juga mengatasi masalah pengangguran dalam keadaan ekonomi masih tidak menentu. Oleh itu, MBM turut kesal dengan kenyataan Menteri Sumber Manusia bahawa program MLVK mungkin terpaksa dihentikan.

"Selain itu, cadangan untuk menyerapkan lebih 100,000 pelajar program MLVK ke dalam Institut Latihan Perindustrian (ILP) adalah tidak rasional kerana tempat begitu terhad yang dapat ditampung oleh institut berkenaan, ini belum lagi mengambil kira pelajar sedia ada di institut itu sendiri.

"Dalam menangani masalah kekurangan dana TPK sekarang, adalah amat wajar jika peruntukan tambahan yang akan disediakan oleh kerajaan, dimasukkan sebagai sebahagian daripada pakej rangsangan ekonomi," katanya.